

Newspaper	Berita Harian
Date	21/12/2012

Partnership for peace and shared prosperity



Najib bergambar bersama barisan pemimpin negara yang menyertai Sidang Kemuncak Peringatan ASEAN-India, di New Delhi, semalam.

[FOTO REUTERS]

BH Digital



Untuk lebih gambar sila layari
subscription.nstp.com.my

Malaysia-India sasar dagangan RM62b

BH 21/12/12

» Sasaran baru menjelang 2015 berikutan perkembangan positif: Najib

rakan sejawatnya, Dr Manmohan Singh dalam pertemuan dua hala, di luar Sidang Kemuncak Peringatan ASEAN-India, semalam.

Najib berkata, sasaran awal ditetapkan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed dan rakan sejawatnya di India ialah AS\$15 bilion (RM46.5 bilion).

"Tetapi mengambil kira perkembangan memberangsangkan, kita menetapkan sasaran baru itu," kata Perdana Menteri dalam sidang media untuk wartawan Malaysia di hotel penginapannya selepas pertemuan itu.

Melonjak 32.7 peratus

Najib berkata, dagangan Malaysia-India melonjak 32.7 peratus tahun lalu kepada

AS\$12.54 (RM38.8 bilion) berbanding 2010.

"Pada 2012, setakat ini, kita lihat perkembangannya meningkat 5.6 peratus. Meskipun kurang sikit tapi ini pencapaian baik memandangkan suasana ekonomi dunia yang masih lemah dan tidak me-

nentu," katanya.

Beliau berkata, Manmohan juga puas hati ASEAN dan India bersetuju menandatangani Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) bagi sektor perkhidmatan dan pelaburan pada Ogos tahun depan.

Peluang firma Malaysia

Katanya, dengan langkah liberalisasi beberapa sektor kecil, syarikat Malaysia boleh mengambil kesempatan meningkatkan pembabitan dalam sektor penjagaan kesihatan, pelancongan, pengangkutan, perhubungan dan pembinaan.

Mengenai sektor pembinaan, Najib berkata, Manmohan komited memberi peluang kepada syarikat Malaysia bagi pembinaan projek lebuh raya di Tamil Nadu tetapi butiran lanjut akan diumumkan kemudian.

Katanya, syarikat Malaysia menunjukkan prestasi yang baik dan sudah melaksanakan beberapa projek seperti monorel di Mumbai dan lebuh raya.

FAKTA NOMBOR

RM38.8
bilion

Nilai dagangan
Malaysia, India pada 2011

Kadir
Dikoh

kadiro@bharian.com.my

New Delhi



Dagangan dua hala Malaysia-India disasarkan mencecah AS\$20 bilion (RM62 bilion) menjelang 2015. Sasaran baru itu ditetapkan Datuk Seri Najib Razak dan